

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Perjalanan ‘Kurnia Travel Supreme’

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Perjalanan ‘Kurnia Travel Supreme’. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan yang membuat perjalanan ke luar negara termasuk dari Malaysia Timur ke Malaysia Barat dan sebaliknya daripada kejadian yang tidak diduga seperti kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal menyeluruh, perbelanjaan perubatan, elaun hospital, kelewatan bagasi, kelewatan perjalanan, kehilangan wang, pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran balik, kehilangan deposit atau pembatalan / pemendekan perjalanan, lawatan ehsan, isi kandungan rumah, kos tambahan pemulangan kereta sewa dan untuk lebih lanjut, anda boleh merujuk kepada risalah.

Perlindungan ini boleh dibeli oleh orang perseorangan, keluarga atau kumpulan semasa membuat perjalanan untuk percutian atau urusan perniagaan.

Kelayakan – Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia atau Pemegang Permit Kerja di Malaysia dan suami/isteri atau anak mereka yang tinggal di Malaysia. Usia Orang Yang Diinsuranskan adalah sehingga 80 tahun. Di bawah Pelan Keluarga, usia kanak-kanak mestilah antara 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun sekiranya masih belajar di institusi pengajian tinggi.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada jadual faedah di dalam risalah produk. Anda boleh mengambil insurans untuk satu perjalanan atau secara polisi tahunan.

Satu perjalanan : Tempoh perlindungan bermula daripada 1 hari hingga 5 hari, sehingga maksimum 180 hari berturut-turut.

Polisi tahunan : Tiada had perjalanan setiap tahun. Walau bagaimanapun, setiap perjalanan tunggal adalah terhad kepada 100 hari berturut-turut.

Pelanjutan automatik bagi kelewatan pulang disebabkan Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital atau dikuarantin di luar negara sebagaimana disyorkan oleh pengamal perubatan atau syarikat pengangkutan awam berjadual di mana kelewatan perjalanan Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat dielakkan tidak termasuk kerosakan mekanikal atau struktur mana-mana pengangkutan darat (kecuali kereta api), perlindungan insurans ini akan kekal berkuat kuasa sehingga tempoh 30 hari tanpa premium tambahan.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar berbeza bergantung pada pelan, kawasan perjalanan dan tempoh perjalanan. Bayaran mestilah secara tunai sebelum perlindungan bermula.

Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai Perkhidmatan (Digunapakai untuk perjalanan di dalam Malaysia sahaja)	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai
- Pematuhan syarat-syarat polisi – kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan menyebabkan semua tuntutan menjadi tidak sah.
- Anda berhak kepada satu perlindungan insurans sahaja oleh Syarikat bagi setiap perjalanan.
- Tempoh Insurans – Insurans bermula sebaik sahaja anda meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan anda di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk memulakan perjalanan sehingga masa kepulangan anda ke tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terdahulu). Dalam apa jua keadaan tidak boleh memulakan perjalanan lebih daripada 24 jam sebelum tempahan waktu berlepas atau tamat lebih daripada 24 jam selepas tempahan waktu pulang ke Malaysia.

- (v) Tuntutan – Sekiranya tuntutan dirangkumi dalam perlindungan polisi, anda mestilah
- memaklumkan AmGeneral secara bertulis secepat mungkin tidak lewat daripada 31 hari daripada tarikh kemalangan / kejadian.
 - memberikan butiran / dokumen terperinci yang berkaitan.
 - memberikan notis bertulis dengan segera kepada polis, syarikat pengangkutan dan pihak berkuasa berkaitan yang lain dan dalam hal yang membabitkan syarikat penerbangan, dapatkan Laporan Penyimpangan Harta (*Property Irregularity Report*) sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada bagasi.
 - membuat laporan polis dalam masa 24 jam sekiranya berlaku kehilangan wang dan / atau dokumen perjalanan.
- (vi) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau penyakit;
- Keadaan pra-wujud;
- Pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang layak;
- Terbabit dalam kerja-kerja manual atau dalam sukan atau permainan dalam kapasiti profesional, aktiviti-aktiviti seperti lompatan bungee, sukan terjun udara, berburu, aktiviti bawah air yang memerlukan menggunakan radas pernafasan (kecuali aktiviti menyelam scuba yang dilakukan untuk aktiviti masa lapang), sebarang bentuk perlumbaan, mendaki gunung (yang memerlukan tali atau juru pandu), menunggang kuda (kecuali dilakukan untuk aktiviti masa lapang) atau penerokaan lubang/jurang gua.
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC).

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Satu Perjalanan - Anda boleh membatalkan dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan sebaik sahaja polisi/sijil dikeluarkan.

Polisi Tahunan - Ya, anda boleh membatalkan polisi dengan memberi 7 hari notis bertulis kepada Syarikat dan dalam keadaan demikian, Pihak Diinsuranskan berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan tempoh insurans yang belum tamat mengikut kadar jangka pendek Syarikat untuk masa Polisi berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad
Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-800-88-6333
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

Insurans Perjalanan 'Kurnia Care'

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.